

Arca Orang Utan ikon baharu Sandakan

SANDAKAN: Sebuah arca yang menjadi ikon baharu diperkenal sempena sambutan 50 tahun Sabah merdeka dalam Malaysia.

Arca berupa ‘Orang Utan’ itu dinamakan ‘The Utan’ adalah rekaan Michael Kwa Wei Choon, 28, yang memenangi Pertandingan Rekaan Arca anjuran Ireka Development Management Sdn Bhd dan ICSD Ventures Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan (MPS).

The Utan ditempatkan di pekarangan pusat membeli-belah The Piazza, Sandakan Harbour Square dan dilancarkan Presiden MPS Datuk James Wong kelmarin.

Kwa memaklumkan pemberita arca itu direka dengan penuh rasa bangga terhadap

destinasi ekopelancongan Malaysia di Sandakan iaitu Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok yang menggambarkan keunikan daerah berkenaan.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Seni Kreatif dari Universiti Malaysia Sabah serta anak jati Taiping, Perak itu juga berkata beliau berdepan banyak cabaran ketika membuat kajian terperinci bagi menghasilkan The Utan kerana sesebuah faktaran atau rekaan mementingkan keunikan tersendiri bagi mencipta kejadianan dan keistimewaan.

Sementara itu, James berkata The Utan dipilih daripada karya 61 pereka yang menyertai pertandingan bertemakan keunikan dan ekopelancongan di Sandakan.